

**FGV Berunding Untuk Sekurang-kurangnya Dua Tawaran Pengambilalihan
Bernama
4 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama)-- Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) kini dalam peringkat akhir rundingan bagi sekurang-kurangnya dua tawaran pengambilalihan dalam aktiviti hulu untuk tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Mohd Emir Mavani Abdullah, berkata syarikat itu berharap dapat menyelesaikan analisis mengenai perkara itu menjelang akhir suku pertama.

Pengendali ladang kelapa sawit ketiga terbesar di dunia itu berharap untuk mengumumkan pengambilalihan terbabit sebaik saja diluluskan oleh lembaga pengarah.

Mohd Emir Mavani berkata demikian kepada pemberita selepas perbincangan mengenai tajuk "Permintaan Terhadap Minyak Sawit Pada Masa Depan," di sini Selasa.

Beliau meramalkan harga minyak sawit akan berkisar antara RM2,500 hingga RM3,000 setan metrik dalam tempoh terdekat berikutan kemarau.

"Keadaan kemarau ini akan menyebabkan kejatuhan pengeluaran tandan sawit segar. Oleh itu harga semasa akan mencerminkan situasi sebenar," katanya.

Menurutnya, kemarau mempunyai kesan besar bukan sahaja ke atas FGV tetapi juga syarikat perladangan lain kerana pengeluaran akan merosot antara lima hingga tujuh peratus.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019208>